

Apakah Pengalaman Yang Dibawa Pulang Dari Makkah Sentiasa Merupakan Tidak Puas Hati?

Haji Muhammad Arsyad Anggota Parlimen Malaysia yang baharu pulang dari Makkah di dalam temu ramahnya dengan sebuah akhbar tempatan telah menyatakan rasa tidak pua hatinya atas keselamatan dan kesihatan jemaah-jemaah haji dari Malaysia. “Seorang wanita dari Melaka, katanya, telah mati ketika dia menjalankan ibadah melontar umrah (jamrah) – P.) Wanita tersebut telah mati terpijak setelah dia terjatuh waktu menjalankan ibadah melontar.” Dan “Seorang jemaah lelaki dari Kedah telah hilang di Makkah sehingga sekarang tidak dijumpai.”

(Oleh: Abdullah bin Hamid al-Edrus)

Begitulah yang kita baca di dalam akhbar dan begitulah yang selalu kita dengar sungutan-sungutan yang didatangkan, terutamanya oleh pemimpin-pemimpin kita yang menunaikan fardu haji yang ditegah mengerjakan haji dengan *rafatha, fusūq* dan *jidāl* oleh Allah *Subhānahu wa Ta’ālā*.

Kita yang pergi haji telah melihat dan mengetahui bahawa orang-orang kita Malaysia hanya bilangannya tujuh ribu setahun dan orang yang sebangsa dengan kita dari Indonesia hanya belasan ribu, tetapi orang-orang dari negeri lain berjumlah beratus-ratus ribu bilangan mereka yang datang mengerjakan haji – termasuk Arab-arab gunung (badwi) hingga hampir-hampir *semillion* jumlahnya tiap-tiap tahun.

Di sana kita akan menemui saudara-saudara kita yang berbagai-bagai adat istiadatnya dan ragamnya dan berbagai-bagai pula mazhabnya – bukan sahaja dari golongan ahli-ahli al-sunnah wa al-jamā’ah, tetapi juga dari golongan-golongan shī’ah yang berpuak-puak pula datang dengan berbagai-bagai corak dan kelakuannya – berhimpun di satu tempat dan terkadang-kadang di antara satu dengan lain tidak tahu bahasanya.

Untuk menjaga dan mengawal para jemaah yang datang yang demikian, dengan

perasaan yang siuman dan patuh serta bertimbang rasa, bukanlah suatu perkara yang mudah. Apa yang telah dibuat oleh kerajaan Saudi ‘Arabīyah dengan beransur-ansur dari setahun ke setahun bertambah baik. Ini tidak akan diketahui hanya oleh orang-orang yang selalu atau kerap kali pergi ke haji. Kerajaan Saudi telah mengadakan kemudahan-kemudahan dan kebersihan untuk kesihatan orang-orang haji itu masing-masing ada tanggungjawab bagi kerajaan mereka, iaitu dengan mengadakan pasukan perubatan sendiri dan pasukan-pasukan kebajikan mereka untuk menyasiat hal ehwal jemaahnya. Keluasan-keluasan dalam musim haji diberi oleh kerajaan Saudi kepada mereka dan shaykh-shaykh haji memberi kerjasama yang rapat kepada mereka.

Dengan adanya cara itu, kalau didapati ada keburukan yang terjadi satu dua, tentunya tidaklah buruk sahaja yang kita dengar dilakukan oleh orang-orang Makkah dan kerajaan Saudi, seolah-olah tidak ada baiknya. Umpamanya di kapal haji kononnya menurut berita, ditunjukkan melalui satu sandiwara bagaimana korban-korban shaykh-shaykh haji Makkah. Barangkali ada seorang berdua shaykh-shaykh Makkah yang berkelakuan tidak

baik, dan kalau didapati boleh diadakan kepada pihak berkuasa. Tetapi untuk menyalahkan dengan sepenuhnya shaykh-shaykh haji Makkah sebagai “lintah darat” tentulah tidak patut.

Cuba fikirkan – berapa wang yang dibayar kepada shaykh. Kira berapa sewa rumah dalam musim haji, berapa harga air, berapa gaji khadam, berapa sewa rumah di Mina untuk tiga hari dan berapa bayaran api. Berapa belanja membuat mengadakan khemah-khemah di Arafah. Kita membayar lebih kurang 500 riyal atau tiga ratus lima puluh ringgit lebih kurang buat masa tiga bulan di Makkah, termasuk belanja kenderaan dari Jeddah – Makkah – Madinah – Jeddah. Berapakah shaykh itu dapat dari saudara? Fikirlah!

Di dalam saya bercakap-cakap dengan Yang Terutama Duta Saudi di Kuala Lumpur, pernah saya katakan kepada beliau, “Kalaulah saya dengan bayaran sebanyak itu saya tidak sanggup menjadi shaykh.” Ia tersenyum dan berkata: “Ini kami lakukan kerana kerja-kerja warisan dari orang-orang tua kami untuk berkhidmat kepada para jemaah haji.”

Tentang melontar di Jamrah (bukan umrah sebagai disebut di dalam akhbar itu), orang yang tertindih – janganlah

Apakah pengalaman...

disalahkan sesiapa. Tetapi salahkanlah diri sendiri. Saya katakan begitu, kerana saya teringat seorang perempuan jemaah al-Marhum al-Shaykh Mustafa Inderagiri hendak melontar pada hari sepuluh Dhu al-Hijjah pagi-pagi lebih kurang pukul 8. Al-shaykh telah menegah supaya jangan melontar pagi-pagi kerana pada pagi-pagi manusia terlampau banyak, tetapi perempuan itu dengan diam-diam pergi juga akhirnya terjatuh dan terpijak sehingga membawa maut. Siapa salah?

Di dalam masa melontar, jemaah yang bermazhab al-Imam al-Shāfi‘ī sampai di Mina waktu pukul 4 atau 5 pagi, lepas sembahyang Subuh mereka terus melontar pada hari yang pertama di Jamrah al-‘Aqabah atau hampir-hampir waktu tengah hari. Biasanya shaykh haji Malaya tidak membenarkan mereka pergi melontar pada pagi-pagi di antara pukul 8 dengan 10 pagi, sebab kebanyakan daripada mazhab-mazhab lain malam itu bermalam di Muzdalifah dan siang baharu meneruskan perjalanan ke Mina untuk melontar – masa itu fikirlah, tempat yang sangat sempit manusia datang dalam satu hari hampir-hampir *semillion* dengan berbagai-bagai kelakuan dan perangai. Patut pula diingat, kalau perempuan tidak kuasa melontar boleh diwakilkan kepada orang lain – siapakah yang bersalah? Adakah patut disalahkan “pengawal” tempat itu dan kebaikan orang dilupakan?

Perhati sahajalah! Kalau orang-orang naik menghantar orang-orang haji di Pelabuhan Port Swettenham berjujuk-jujuk, ada yang luka, ada yang jatuh ada pula yang

terhimpit. Ini tidak melebihi 10,000 orang apa lagi di tempat yang semillion orang – fikirlah!

Berkenaan “orang Kedah” hilang – pun tidak patut disalahkan orang, tetapi kesalahan sendiri. Di dalam pengalaman sendiri saya selalu dapati, orang-orang kampung yang tua-tua terpinga-pinga di tengah-tengah Masjidil Ḥarām – tidak tahu hendak balik ke rumah shaykh yang ditumpangnya di sekitar kawasan yang tidak jauh dari Masjidil Ḥarām. Kadang-kadang shaykh terpaksa menghantar khadam-khadamnya mencari orang itu. Kalau ditanya, jangankan berbahasa Arab berbahasa Melayu pun hampir-hampir mereka tidak tahu, kerana ada di antara mereka dari Ulu Kelantan.

Kalau di tempat yang seramai itu ia tersesat, apakah di tempat lain tidak boleh hilang? Selalu berlaku, terkadang-kadang seseorang jemaah haji menumpang di lain rumah dua tiga hari kerana tidak tahu di mana dan siapa shaykhnya. Apakah ini harus disalahkan kerajaan Saudi Arabiyah?

Perkara yang menyakitkan telinga yang selalu dibuat oleh orang yang pulang dari haji ialah *complaint* – tetapi tidak menyebut kebaikan orang-orang di Makkah dan kerajaannya. Orang-orang Makkah mengorbankan airnya hingga bersukat kerana orang-orang haji. Kerajaan di sana di sini mengadakan paip-paip air untuk memudahkan mereka mendapatkan air. Kenderaan bas terpaksa diadakan dan setelah musim haji terpaksa disimpan untuk musim yang akan datang. Hotel-hotel dan rumah-rumah flat enam bulan sebelum haji telah ditempah terlebih dahulu – kalau tidak berani membayar mahal – orang lain akan mengambilnya, sebab tempat-tempat sangat terhad dan tiap-tiap orang haji seberapa boleh

mahu tinggal berhampiran dengan Masjidil Ḥarām. Di dalam keadaan yang serupa ini siapa patut disalahkan?

Ingatlah bahawa orang-orang yang mengerjakan haji hendaklah jangan melakukan *rafatha*, *fusūq* dan *jidāl* – untuk membersihkan hatinya di dalam masa mengerjakan beribadat supaya mendapat keredaan Allah. Dalam masa yang ramai itu, orang sangat sulit memberi layanan hatta kepada tetamu-tetamunya sendiri dan kerana itu sebagai tetamu wajiblah kita mengetahui kedatangan kita ke sana untuk apa, buat siapa dan kerana apa?

sudah siap

Siri Kesah

Tokoh2 Sejarah II

RAHSIA TERBUKA

Harga 50 sen.

Pos 10 sen.

Siri Kesah

Tokoh2 Sejarah III

MENJINAKKAN

Harga 50 sen.

Pos 10 sen.

Pesan-lah kepada:

QALAM

8247, Jalan 225,

Petaling Jaya,

Selangor.